Berita Harian
AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA
SELASA, 29 NOVEMBER, 1983 — 24 SAFAR, 1404 ★ ★ 35 SEN KDN 0004/83

ngalaman, kebolehan diutamakan

asar baru ntuk naik angkat

•Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

MPUR, aan su- n garis ai pe- aikan kumpu- epada n yang

n demi- menteri, ahathir a, garis luskan enguta- an dan

an tidak nya ke-

pada kelayakan akademik.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi misalan, seseorang pembantu teknik dalam kumpulan B boleh dilantik ke jawatan jurutera dalam kumpulan A sekiranya ia mempunyai pengalaman dan kebolehan bagi jawatan yang tinggi itu.

Beliau berkata demikian di perasmian persidangan Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semanjung Malaysia (MTSU) di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, peluang itu juga terbuka kepada mereka di dalam kumpulan C dan D yang boleh dilantik ke jawatan dalam kumpulan yang lebih tinggi.

Tetapi beliau menegaskan, bahawa mereka yang benar-benar berpengalaman dan berkebolehan sahaja yang berpeluang ditimbangkan oleh kerajaan.

Kebiasaannya, mereka yang berpengalaman adalah pegawai dan kakitangan yang berjaya untuk ditimbangkan bagi memegang jawatan tingkatan kanan, tingkatan khas, dan tingkatan tertinggi sesuatu jawatan itu.

Kemampuan

Untuk itu, beliau menyeru pekerja-pekerja awam membuktikan kemampuan mereka menjalankan tugas.

Beliau berkata, kakitangan awam seharusnya merasa bertuah kerana dalam keadaan ekonomi meleset pun kerajaan sentiasa membuat penentuan untuk memperbaiki lagi keadaan mereka.

Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi menyatakan, bahawa kerajaan sedang menimbang rancangan kenaikan pangkat berasaskan pengalaman.

Dengan pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir itu, bermakna kajian sudah selesai dan akan memberi faedah kepada beribu-ribu kakitangan kerajaan dalam skim perkhidmatan rendah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, di negara ini keutamaan ramai sentiasa dipentingkan dan kebebasan yang tidak menghalang kepentingan dan adat resam masyarakat sentiasa terjamin.

Ini adalah cara mendatangkan manfaat kepada semua individu dan masyarakat.

Katanya, kemampuan dan potensi sesuatu masyarakat, sebahagian besarnya terletak pada persefahaman dan semangat kerjasama.

"Kita tidak harus melihat sesuatu dengan kaca mata konflik atau konfrantasi.

"Saya anggap konflik sebagai tenaga yang disalurkan kepada sesuatu yang negatif, dan kerjasama atau persefahaman sebagai tenaga yang disalurkan kepada sesuatu yang positif," katanya.

Itulah sebabnya falsafah hidup rakyat negara ini harus memberi keutamaan kepada kerjasama dan persefahaman.

Konsep pensyarikatan Malaysia, misalnya mencerminkan falsafah ini.

Katanya, konsep konflik hanya menjadikan pihak-pihak yang harus berkerjasama sebagai musuh 'yang satu meragui yang lain dan tidak mengambil kira kepentingan yang lain'.

Akhirnya kedua-dua pihak yang rugi.

Semua ahli MT akan diminta jelaskan sikap?

pendirian secara terbuka kepada mesyuarat itu.

Perdana Menteri akan membuat pengumuman penting selepas mesyuarat itu.

Sumber-sumber tertinggi parti yakin, walaupun perkara meminta mereka menyatakan pendirian masing-masing itu tidak termasuk dalam agenda tetapi Datuk Seri Dr Mahathir selaku presiden parti akan meminta mereka menjelaskan pendirian masing-masing.

Antara lain, agenda yang ditetapkan ialah mengenai tarikh Perhimpunan Agung Umno tahun depan menakala Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah selaku Bendahari parti pula akan membentangkan Belanjawan Umno.

Perkara pindaan perlembagaan masih belum dapat diselesaikan setelah tidak ada keputusan yang kukuh apabila wakil Majlis Tertinggi Umno yang diketuai oleh Encik Ghaffar Baba mengadakan pertemuan dengan Raja-Raja Melayu, di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, baru-baru ini.

Berdiam

Dengan menyatakan pendirian dan pendapat masing-masing berhubung perkara itu akan membolehkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus berusaha mencari jalan penyelesaian secara yang sebaik-baiknya.

Sebelum ini, Kabinet dalam mesyuarat minggunannya Rabu lalu dipercayai telah memberi mandat sebulat suara kepada Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah itu.

Bagi anggota Umno yang duduk dalam Kabinet, hanya Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim tidak hadir dalam mesyuarat itu, kerana berada di luar negeri.

Datuk Rais yang telah pulang dari Singapura mungkin menyatakan pendiriannya dalam mesyuarat Kabinet Rabu ini manakala Tan Sri Ghazali akan bersama anggota MT yang lain untuk menyatakan pendirian masing-masing.

Anggota-anggota Kabinet yang duduk dalam MT juga sekali lagi diminta mengulangi pendirian mereka dalam mesyuarat nanti.

ANTARA YANG MENARIK DI DALAM

Sarimah tak kecewa gagal di Taipei — Muka 14
Malaysia mahu OIC terima semula Mesir — Muka 8
Syria mahu bersatu dengan Iraq — Muka 6
Lawatan Dr M cerahkan harapan BN — Muka 19
SIRI BARU: Usahawan Bumiputera — Muka 16
Risda nafi dakwaan persatuan — Muka 21
Selangor pujuk Mokhtar main semula — Muak 24
'Pesta' pilihanraya Sarawak bermula — Muka 10

Bocor: Keputusan diumum hari ini

KUALA LUMPUR, Isnin — Keputusan sama ada semua 71,854 calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) akan mengulangi semula peperiksaan itu berikutan kebocoran beberapa kertas soalan, akan diketahui esok.

Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia, Prof Diraja Ungku Abdul Aziz yang juga Naib Canselor Universiti Malaya akan mengumumkan perkara itu di Rumah Universiti jam 11.00 pagi.

Prof Diraja Ungku Aziz juga akan mengumumkan laporan penyiasatan MPM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan polis mengenai isu kebocoran yang didakwa oleh sebilangan calon STPM di seluruh negara.

Beliau hari ini mengadakan mesyuarat khas lebih dua jam dengan ahli-ahli Majlis Peperiksaan Malaysia. Antara yang hadir ialah Setiausaha Agungnya, Syed Abu Bakar Barakbah, Pengarah Lembaga Peperiksaan, Encik Omar Hashim dan beberapa pegawai kanan Kementerian Pelajaran.

Menteri Pelajaran, Datuk Dr Sulaiman Haji Daud juga meminta semua calon supaya bertenang dan terus menduduki peperiksaan sehingga habis.

Peperiksaan bertulis STPM bermula 14 November lalu dan berakhir Jumaat ini. Hari ini, sebilangan calon menjawab lapan kertas manakala lima kertas lagi akan dijawab esok.

Minggu lalu, Setiausaha Agung MPM, Syed Abu Bakar Barakbah mengarahkan semua pemeriksa kertas jawapan calon-calon supaya menangguhkan kerja-kerjanya sehingga diberitahu kelak.

Sumber-sumber memberitahu, kemungkinan besar sebahagian dari kertas peperiksaan terpaksa diulang semula kerana kesan-kesan kebocoran soalan kertas berkenaan cukup ketara.

Kertas itu ialah Bahasa Malaysia Satu kerana beberapa bahagian soalan dalam kertas itu didakwa bocor.

Misalnya, soalan-soalan dalam Bahagian B iaitu terjemahan (20 markah), meringkaskan karangan (20 markah) dan memahamkan karangan (20 markah) dilaporkan diketahui oleh sebilangan calon sebelum hari peperiksaan.

'Banyak dalang dalam isu pindaan'

SEREMBAN, Isnin — Masalah pindaan perlembagaan bukan dimulakan oleh Datuk Senu Abdul Rahman seorang diri sahaja tetapi ia turut didalangi oleh beberapa tokoh termasuk orang-orang di belakang skandal BMF.

Beberapa tokoh dari Negeri Sembilan dan Pahang turut membantu Datuk Senu merangka surat bantahan yang dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Sanusi Jened.

"Surat itu terlebih dulu diketahui oleh pihak akhbar sebelum ia tiba kepada Perdana Menteri," tambah Datuk Sanusi di sini petang ini.

Beliau seterusnya berkata, Datuk Senu mengadakan sidang akhbar berhubung hal itu yang dihadiri oleh wakil-wakil akhbar tempatan dan luar negeri di Kuala Lumpur.

Datuk Sanusi mendedahkan ini selepas berucap di perjumpaan dengan kakitangan Kemas, ahli-ahli Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) dan pemimpin-pemimpin masyarakat dari Negeri Sembilan dan Melaka di Tapian Gelanggang Parol di sini.

Menurut Datuk Sanusi, Datuk Senu dan tokoh-tokoh itu suka keadaan yang ada sekarang supaya boleh mencari kesempatan untuk kepentingan diri.

Katanya lagi, sebelum surat itu, Datuk Senu juga pernah menghantar surat kepada Perdana Menteri menyatakan rasa tidak setujunya dengan dasar penerapan Islam yang dikatakan boleh menakutkan golongan lain.

Datuk Sanusi juga menjelaskan, keadaan sekarang ini terjadi begini kerana perbuatan berapa pemimpin 'talam dua muka'.

Menurut Datuk Sanusi, mereka sebenarnya bukanlah boleh distilahkan sebagai pemimpin tetapi adalah pengacau.

"Pemimpin ialah mereka yang menyelesaikan masalah, bukannya pembuat masalah," tegannya.

Menurut Datuk Sanusi lagi, di bawah sistem demokrasi seseorang pemimpin mestilah menghormati keputusan majoriti.

Bagaimanapun, katanya, kewibawaan sesebuah jawatankuasa akan dipersoalkan jika ada dua atau tiga orang dari mereka, kerana watak masing-masing, dapat mempengaruhi yang ramai untuk mengambil keputusan.

Demokrasi

Tegasnya, jika keadaan ini berlaku, ia boleh disifatkan sebagai jawatankuasa diktator.

Beliau memberi contoh bagaimana keputusan sesuatu jawatankuasa persatuan yang dianggotai sembilan orang, 24 orang atau 36 orang ditolak kerana ada segolongan kecil membantahnya.

Lebih sulit dari itu, ada pula antara mereka yang mempertikaikan keputusan yang ia sendiri turut sama bersetuju apabila di luar mesyuarat.

Untuk mengatasi masalah ini, amalan demokrasi hendaklah dipelihara.

Seribu orang yang menghadiri perjumpaan itu semudiannya bersumpah di hadapan Datuk Sanusi untuk menyokong Perdana Menteri bagi menyelesaikan soal ini.

Setiausaha agung Gabungan Penjaja Kecil Melayu Malaysia, Sheikh Mohamad Sheikh Husin, turut melafazkan ikrar taat setia mewakili 100,000 ahlinya di seluruh negara.

Sambutan di Batu Pahat dijangka lebih besar

KUALA LUMPUR, Isnin — Kira-kira 100,000 penduduk, kebanyakannya ahli Umno dijangka keluar untuk menyambut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam di Batu Pahat sempena upacara perasmian bangunan Umno Bahagian Semerah pada 8 Disember ini.

Perdana Menteri dan rombongan dijangka tiba dengan helikopter di kawasan lapang Kampung Kenangan Datuk Onn, Batu Pahat jam 10 pagi.

Beliau akan diiringi ke pentas khas untuk menyampaikan amanatnya. Sebelum itu, ikrar berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan akan dibacakan.

Selepas berucap, beliau akan diiringi pula oleh kira-kira 10,000 ahli Pemuda Umno bahagian Semerah menuju Bangunan Umno bahagian itu, 1,500 meter dari tempat helikopter mendarat.

Beberapa sumber politik berkata, kira-kira separuh dari yang hadir ialah ahli Umno empat bahagian — Semerah, Batu Pahat, Air Hitam dan Seri Gading.

Jamuan

Kalangan pemerhati politik pula mensifatkan, perhimpunan 8 Disember nanti sebagai memperkuhkuh lagi semangat, sama seperti ketika Datuk Onn Jaafar mengumpulkan orang-orang Melayu di Batu Pahat yang akhirnya menjadi asas kelahiran Umno.

Di samping itu, Kelab Melayu Batu Pahat adalah tempat perlembagaan Umno dirangka oleh pejuang-pejuang kebangsaan 37 tahun lalu.

Menurut pemerhati-pemerhati politik, beribu-ribu orang Melayu berjalan kaki, menaiki basikal dan lori tidak berbumbung menuju Batu Pahat dengan satu tujuan: 'Perjuangan untuk kesejahteraan rakyat dan mewujudkan keadilan.'

Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongan serta 2,000 pemimpin tempatan akan menghadiri jamuan tengah hari di Dewan Jubli Intan sebelum berangkat pulang. Manakala lain-lain yang hadir akan disediakan makan tengah hari di Kampung Kenangan Datuk Onn.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno bahagian Semerah, Haji Sudin Ahmad, mengarahkan semua 95 cawangan dalam bahagiannya bekerjasama memastikan sambutan pada hari itu mencapai kejayaan.

Beliau membuat arahan itu dalam kursus sivik sehari anjuran bersama Pemuda Umno bahagian Semerah dan Jabatan Penerangan Batu Pahat, kelmarin.

Katanya, 10,000 peserta akan mengambil bahagian dalam perarakan dari Kampung Kenangan Datuk Onn ke Bangunan Umno Semerah. Turut menyertai perarakan itu ialah 600 pembawa bunga manggar, 500 pemain kompang, 300 pembawa bendera dan 200 ahli kumpulan silat.

Keadaan keselamatan negara tetap terkawal—Tan Sri Haniff

KUALA LUMPUR, Isnin — Keadaan keselamatan dalam negeri berkaitan dengan soal pindaan perlembagaan tidak membimbangkan, Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar berkata di sini, hari ini.

"Setakat ini saya tidak mengeluarkan sebarang arahan khas untuk berjaga-jaga, selain dari langkah-langkah biasa," katanya.

Mengenai perhatian polis terhadap diplomat-diplomat asing yang mungkin berminat cergas dalam isu tersebut, Tan Sri Haniff berkata, "perhatian yang diberi adalah seperti biasa juga."

"Sehingga ini belum ada lagi laporan yang diterima merigenai penyertaan cergas mereka mengenai soal ini. Tidak ada sebab mengapa mereka hendak masuk campur dalam soal ini," kata Tan Sri Haniff.

Mutu kuarza kini sampai ke tahap baru—Citizen Wing.

Dengan munculnya Citizen Wing, mutu jam kuarza turut melambung ... yang masih kekal di perengkat bawahan ialah harganya. Koleksi Citizen Wing kini menjadi pilihan yang utama — setiap rangka bingkainya yang sangat tipis terpasang dengan teknologi kuarza yang menggerakkan waktu kuarza yang tepat serta penunjuk hari/tarikh. Perjalanan setiap buah pesawat jam ini adalah disokong oleh Kad Jaminan Citizen Antarabangsa yang diiktiraf di serata dunia. Untuk lelaki yang sedang meningkat naik — Citizen Wing!

Ciri-ciri Khusus untuk Citizen Wing:
• Rangka bingkainya semua keluli berkilat
• ± 20 saat — ketepatan setiap bulan
• Kalendar hari/tarikh (dwibahasa)
• Rintangan air
• Usia kuasa sel 3 tahun
• Alat menghentikan jarum saat

Dari Jepun, Citizen Wing.

CITIZEN
CITIZEN IS A REGISTERED TRADEMARK OF CITIZEN WATCH CO. JAPAN

99-0019 99-0078 99-0051 99-0078 99-0094

CITIZEN